



BULETIN SADA

MENARIK DI DALAM

- MAJLIS AMANAT CEO
- PERSEDIAAN SADA HADAPI LIMA
- SADA JUARA SBAM 2023
- PROJEK PEMBINAAN TANGKI
MENDAPAN LRA JENERI
- LAWATAN PENGURUSI SPAN KE
NEGERI KEDAH

EDISI
2023

Isi

Kandungan

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	01	Projek Penggantian Pamset Di Sungai Petani	25
Tinta Penasihat	02	Rumah Pam Alor Pudak Berjaya Selesaikan Isu Bekalan Air Di Tobiar Dan Kubur Panjang	27
Majlis Amanat Ketua Pegawai Eksekutif Tahun 2023	03	SADA Atasi Masalah Air Selepas Rumah Pam Toh Pawang Beroperasi	28
Taklimat Dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah SADA Bersama SPRM	05	SADA Juara SBAM 2023	31
Majlis Penyerahan Hakmilik Tapak Sistem Bekalan Air Negeri Kedah Kepada PAAB	07	Majlis Apresiasi Kontinjen & Urusetia SBAM 2023	34
Lawatan Kerja Pengerusi SPAN Ke Negeri Kedah	09	SADA Berjaya Atasi Gangguan Bekalan Air Akibat Kegagalan Fungsi Pintu 14 Barrage	35
Mesyuarat Pembentangan Bajet 2023 & Pelan Strategik Anak - Anak Syarikat MBI Kedah	11	Kesiapsagaan SADA Menghadapi LIMA'23	37
Istiadat Perbarisan Dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66	12	SADA Laksana Pelan Kontingensi Hari Raya Aidilfitri	39
Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Bersama Syarikat Korporat	13	Kempen Sayangi Alam Sekitar Dan Air 2023	43
Jabatan Elektrikal Dan Mekanikal SADA	14	Program Penjimatan Air SADA Tahun 2023	44
Lawatan Pemeriksaan Keselamatan Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan Negeri Kedah	15	Tips Jimat Air SADA	45
Taklimat Bekalan Air Bersama YB Ahli Parlimen Dan Adun Negeri Kedah	17	Garis Masa Transformasi	46
Solidariti SADA Untuk Palestin	19	Kursus Induksi Siri 1-3 Tahun 2023	49
Statistik Bekalan Air Negeri Kedah	21	Persaraan Kakitangan SADA Sehingga Bulan November 2023	51
Media Sosial SADA	22		
Projek Pembinaan Tangki Mendapan LRA Jeneri	23		

Sidang Redaksi

Radzuan Bin Osman, SDK., AMK., BCK.

Penaung

Zulazni Bin Mohd Noor, PJK.

Penasihat

Ridzuwan Bin Mohamed Yusoff

Ketua Editor

Nurazwa Binti Radzali

Editor

Ahmad Farouq Fakhri Bin Md Zaib

Sidang Pengarang

Adzirul Haidy Bin Idris

Sidang Pengarang

Muhammad Akmal Bin Syahar Pauzi

Sidang Pengarang

Mohamad Zulhelmi Bin Ishak

Jurukamera



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Radzuan Bin Osman, SDK., AMK., BCK.
Ketua Pegawai Eksekutif SADA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya Buletin SADA 2023 dapat diterbitkan pada kali ini. Terima kasih kepada semua kakitangan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) yang bertungkus lumus dalam menghasilkan Buletin SADA pada kali ini. Penghasilan buletin ini merangkumi segala aktiviti dan program yang dijalankan sepanjang tahun 2023.

Pada tahun 2023, SADA telah banyak melakukan penambahbaikan sebagai operator air yang bertanggungjawab membekalkan air terawat di Negeri Kedah. Tahun ini SADA telah berjaya dalam menyelesaikan beberapa krisis dan masalah bekalan air di beberapa kawasan.

SADA mendengar setiap aduan yang dilontarkan terutamanya berkenaan isu air di Negeri Kedah dan SADA telah melakukan tindakan pantas dengan menambahbaik infrastruktur dan perkhidmatan supaya setiap aduan ditangani dengan pantas.

Akhir kata, semoga SADA terus komited dalam membekalkan air terawat kepada pengguna dan menjadi syarikat perkhidmatan air yang terunggul.

Sekian. terima kasih.





HAJI ZULAZNI BIN MOHD NOOR, PJK.

Penasihat Buletin SADA Tahun 2023

Tinta Penasihat

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas keizinanNya Buletin SADA Tahun 2023 dapat diterbitkan pada tahun ini dengan jayanya.

Dikesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas komitmen dan kerjasama semua pihak dalam usaha merealisasikan penerbitan buletin ini. Semoga dengan penerbitan buletin ini ia dapat memberikan manfaat dan pengetahuan kepada pembaca.

Sekian, terima kasih.

Majlis Amanat

Ketua Pegawai Eksekutif SADA Tahun 2023



Pada 9 Januari 2023 telah berlangsung satu majlis amanat tahun baharu 2023 oleh Tuan Radzuan Bin Osman, Ketua Pegawai Eksekutif SADA bertempat di Dewan Seminar SADA.

Majlis yang bermula pada jam 11.00 pagi telah dimulakan dengan bacaan yasin dan doa selamat bagi memberkati perjalanan operasi syarikat pada tahun ini.

Dalam ucaptama beliau, beberapa perkara telah disentuh, antaranya cabaran serta prestasi syarikat bagi tahun 2022, hala tuju SADA bagi tahun-tahun mendatang serta rintangan yang bakal dihadapi terutama dari sudut kewangan di mana kos OPEX dan CAPEX syarikat diunjur akan meningkat implikasi daripada ketidaktentuan ekonomi semasa.

Selain itu, semua anggota SADA digesa untuk menggandakan usaha dalam membekalkan air terawat kepada pengguna sejajar dengan pertumbuhan drastik sektor pelaburan serta projek pembangunan perumahan di Negeri Kedah.

Majlis turut diserikan lagi dengan tayangan montaj bagi mengimbau aktiviti serta program syarikat sepanjang tahun 2022.



Di akhir majlis, Tuan Ketua Pegawai Eksekutif turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua anggota SADA sepanjang tahun 2022. Beliau juga berharap pada tahun 2023 semua anggota SADA akan lebih komited dalam memenuhi keperluan pengguna.



Taklimat dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah SADA bersama SPRM

Pada pagi 30 Januari 2023 telah berlangsung satu taklimat dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Kedah (SPRM) yang bertempat di Dewan Seminar SADA.

Majlis ini telah dimulakan dengan sesi taklimat berkenaan Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 (Liabiliti Korporat) yang disampaikan oleh Puan Darshini A/P Gunaseelan, Ketua Unit Pemeriksaan dan Perundingan SPRM Negeri Kedah kepada seramai 130 anggota SADA yang terlibat.

Seterusnya majlis diteruskan dengan ucapan dari Tuan Radzuan Bin Osman, Ketua Pegawai Eksekutif SADA. Dalam ucapan tersebut, beliau telah menerangkan beberapa perkara yang telah dan sedang dilakukan oleh pihak pengurusan SADA terutamanya berkenaan isu integriti dan pematuhan peraturan dalam kalangan anggota SADA. Selain itu, SADA juga komited untuk bersama-sama memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam keseluruhan operasi dan pengurusan.



Sesi bergambar bersama Pengarah SPRM Negeri Kedah



Majlis juga diteruskan dengan ucapan oleh Dato' Shaharom Nizam Bin Abd. Manap, Pengarah SPRM Negeri Kedah dan sesi tayangan montaj oleh pihak SPRM.

Di akhir majlis, Tuan Ketua Pegawai Eksekutif SADA telah mengetuai lafaz ikrar bebas rasuah dan menandatangani satu dokumen Ikrar Bebas Rasuah bersama Pengarah SPRM Negeri Kedah.

Majlis Penyerahan Hakmilik Tapak Sistem Bekalan Air Negeri Kedah Kepada PAAB



Pada 26 Jun 2023 (Isnin), Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA), Tuan Radzuan Bin Osman telah menghadiri Majlis Penyerahan Hakmilik Tapak Sistem Bekalan Air Negeri Kedah Darul Aman kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Majlis yang disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pembangunan), YBhg. Dato' Haji Fauzi Bin Mustaffa, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah, YBhg. Dato' Md Shuhaimee Bin Abd Rahman, Pegawai Daerah Langkawi, YBhg. Dato' Abdul Gafar Bin Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PAAB, Tuan Ir. Zulkiflee Omar, Ketua Division Aset & Pengurusan Tanah PAAB, Tuan Ir. Zainal Nagin serta delegasi daripada PAAB.

Majlis yang berlangsung di Hotel Adya, Langkawi merupakan kesinambungan daripada muktamadnya Skim Penstruktur Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Kedah (Migrasi) di mana Perjanjian Migrasi yang merangkumi Perjanjian Utama, Perjanjian Kemudahan dan Perjanjian Pajakan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kedah, SADA dan PAAB telah ditandatangani pada 4 Mac 2021 di mana pinjaman bekalan air Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM1.122 bilion telah dinovasi kepada PAAB.



Salah satu elemen penting dalam proses Migrasi adalah beri milik aset air Kerajaan Negeri kepada PAAB yang bernilai RM1.122 bilion yang disetarakan dengan baki pinjaman bekalan air Negeri Kedah iaitu setelah ditolak amaun RM698.9 juta pinjaman bekalan air luar bandar yang telah dihapus kira oleh Kerajaan Persekutuan.

Dengan termeterainya Perjanjian Migrasi, SADA bertanggungjawab untuk menjelaskan pinjaman bekalan air kepada PAAB yang berjumlah RM1.122 bilion dalam tempoh 45 tahun bermula pada tahun 2026 hingga tahun 2065 dengan sewa pajakan bulanan berjumlah RM2.8 juta sebulan ataupun RM33.6 juta setahun. Tanah dan aset air tersebut akan diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri selepas tempoh 45 tahun.

Sebanyak 52 keping dokumen hak milik tanah melibatkan 10 daerah untuk tapak bekalan air atas nama PAAB telah berjaya didaftarkan manakala baki dua (2) tapak yang melibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Padang Sanai dan Tangki Air Bukit Kayu Hitam masih dalam proses kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK).

Penstrukturran ini diharap dapat memberi impak positif yang berterusan di peringkat Persekutuan, Negeri serta agensi yang terlibat sekali gus memberi manfaat kepada seluruh rakyat Negeri Kedah khususnya.



Lawatan Kerja Pengerusi SPAN ke Negeri Kedah

Pada 18 Mei 2023 (Khamis), Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Tuan Charles Anthony Santiago bersama ahli-ahli suruhanjaya pada pagi ini telah mengadakan lawatan kerja ke Loji Rawatan Air (LRA) Pelubang. Lawatan ini merupakan lawatan kerja pertama beliau ke Negeri Kedah sejak dilantik menjadi Pengerusi SPAN pada Mac 2023 yang lalu.



Lawatan kerja ini turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pembangunan), YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi Bin Mustaffa, Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Tuan Radzuan Bin Osman, Ketua Pegawai Operasi SADA, Tuan Hj. Zulazni Bin Mohd Noor, Pengarah Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK), Tuan Syed Amaluddin Hafeez Bin Syed Musa, Pengarah JKR Kedah, Tuan Ir. Mohd Fisal Bin Ismail, SPAN Ibu Pejabat, SPAN Wilayah Utara dan lain-lain.

Program dimulakan dengan taklimat oleh Pengarah JKR Kedah yang memberikan penerangan tentang perjalanan dan kemajuan kerja fizikal Projek Menaiktaraf LRA Pelubang yang sedang dilaksanakan oleh pihaknya. Seterusnya taklimat diteruskan dengan penerangan oleh SADA berkenaan pengurusan air terawat di Negeri Kedah serta persediaan SADA bagi menghadapi fenomena El Nino yang diramal berpanjangan sehingga bulan September 2023 oleh MET Malaysia.





Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SADA. Delegasi SPAN turut diberikan taklimat berkaitan insiden penurunan paras Sungai Muda yang terjadi pada Ahad lalu sehingga menyebabkan berlaku krisis bekalan air di Daerah Kuala Muda, Kulim dan Negeri Pulau Pinang. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pengarah LSANK, selaku badan kawal selia yang menguruskan sumber air mentah di Negeri Kedah. SADA ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada pihak SPAN atas lawatan kerja ini.

Semoga usaha yang dilaksanakan oleh semua agensi yang terlibat akan berjalan lancar seperti dirancang dan seterusnya memberi manfaat kepada seluruh rakyat Negeri Kedah, hendaknya.

Mesyuarat Pembentangan Bajet 2023 & Pelan Strategik Anak-Anak Syarikat MBI Kedah



Pada tarikh 5 Januari 2023 (Khamis), Pihak Pengurusan Tertinggi SADA telah menghadiri Mesyuarat Pembentangan Bajet 2023 dan Pelan Strategik Anak-Anak Syarikat MBI Kedah bertempat di Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman.

Dalam mesyuarat tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Tuan Radzuan Bin Osman, Ketua Pegawai Operasi SADA, Tuan Haji Zulazni Bin Mohd Noor dan Pengurus Jabatan Kewangan, Pn. Faizah Binti Basir telah membentangkan Bajet dan Pelan Strategik 2023 SADA.

Istiadat Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66

Pada 31 Ogos 2023, SADA telah menyertai Istiadat Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Kedah bagi tahun 2023 yang dijalankan di Dataran Medan Bandar. Alor Setar.



Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Bersama Syarikat Korporat



14 September 2023 (Khamis): Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Bersama Syarikat Korporat telah berlangsung bertempat di Dewan Dato' Shaikh Mahmood Naim, Aras 1, Menara Zakat, Alor Setar.

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA), Tuan Radzuan Bin Osman telah menyerahkan mock-up cheque Zakat Perniagaan SADA kepada Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah, Dato' Syeikh Zakaria bin Othman.

Turut hadir, Sahibus Samahah Mufti Negeri Kedah, Dato' Paduka Syeikh Fadzil bin Haji Awang.

Jabatan Elektrikal dan Mekanikal SADA



Jabatan Elektrikal dan Mekanikal (M&E) di SADA terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian Elektrikal dan bahagian Mekanikal.

Jabatan ini telah diketuai oleh **Ir Ibrahim Bin Dahlan** sebagai Pengurus Kanan Jabatan M&E dan fungsi jabatan ini ialah membangun, mentadbir dan mengurus kerja penyelenggaraan mekanikal dan elektrikal di Loji Rawatan Air dan Rumah Pam.

Di bahagian Elektrikal terbahagi kepada 4 unit / seksyen iaitu Unit Operasi dan Penyelenggaraan Elektrikal Wilayah Utara, Unit Operasi dan Penyelenggaraan Elektrikal Wilayah Tengah, Unit Operasi dan Penyelenggaraan Elektrikal Wilayah Selatan dan Unit Instrumentasi dan Sistem SCADA / Telemetri.

Manakala di bahagian Mekanikal terbahagi kepada 4 unit / seksyen iaitu Unit Operasi dan Penyelenggaraan Mekanikal Wilayah Utara, Unit Operasi dan Penyelenggaraan Mekanikal Wilayah Tengah, Unit Operasi dan Penyelenggaraan Mekanikal Wilayah Selatan dan Unit Projek Perumahan dan Menara SADA.



Lawatan Pemeriksaan Keselamatan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan Negeri Kedah



Pada 9 Oktober 2023 (Isnin) telah diadakan satu Lawatan Pemeriksaan Keselamatan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) ke Saluran Paip Air Dasar Laut Langkawi dan LRA Pulau Tuba oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Negeri Kedah bersama Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA).

Sesi lawatan telah dimulakan di Pejabat SADA Daerah Langkawi dengan sesi taklimat Pepasangan KLTL yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia, Yang Berbahagia Tuan Rahimi Bin Ismail dan seterusnya ucapan dari Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Tuan Radzuan Bin Osman serta sesi pembentangan oleh pihak SADA berkenaan Saluran Paip Dasar Laut Langkawi dan LRA Pulau Tuba.

Selepas selesai sesi taklimat dan pembentangan, lawatan pemeriksaan KLTL diteruskan dengan menaiki bot Jabatan Laut Malaysia ke Saluran Paip Air Dasar Laut Langkawi dan LRA Pulau Tuba.



Taklimat Bekalan Air bersama YB Ahli Parlimen dan ADUN Negeri Kedah

Pada 17 Oktober 2023 (Selasa) satu taklimat berkenaan bekalan air bersama YB Ahli Parlimen dan ADUN Negeri Kedah telah diadakan di SADA Wilayah Utara 1, SADA Wilayah Utara 2 dan SADA Wilayah Kedah Tengah berhubung situasi semasa bekalan air terawat di Negeri Kedah. Taklimat ini telah dipengerusikan oleh Exco Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar, Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Yusof @ Munir Bin Haji Zakaria.

Taklimat yang berlangsung ini turut melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Tuan Radzuan Bin Osman, Ketua Pegawai Operasi SADA, Tuan Zulazni Bin Mohd Noor, Pengurus Jabatan dan Pengurus-Pengurus Wilayah yang terlibat bagi memberi penerangan serta kefahaman kepada semua wakil rakyat yang hadir melibatkan status semasa isu gangguan bekalan air dan langkah mitigasi bagi menanganinya.



Sesi taklimat yang pertama bermula pada jam 9.00 pagi di Pejabat SADA Wilayah Utara 2. Turut hadir dalam taklimat ini YB ADUN Ayer Hitam, YB ADUN Kota Siputeh, Wakil YB Ahli Parlimen Padang Terap, Wakil YB Ahli Parlimen Jerlun, Wakil YB ADUN Bukit Kayu Hitam, Wakil YB ADUN Jitra dan Ketua-Ketua Jabatan SADA. Pengurus SADA Wilayah Utara 2, En. Mohd Fadzly Bin Jaafar telah memulakan taklimat dengan memberikan penerangan berkenaan projek yang sedang dan akan dijalankan di sekitar kawasan Wilayah Utara 2 bagi menangani masalah berkaitan isu air.



Pada jam 11.30 pagi sesi taklimat telah bersambung di SADA Wilayah Utara 1 bertempat di Dewan SADA Aras 3, Bangunan SADA. Sesi taklimat di Wilayah Utara telah dihadiri oleh YB ADUN Bukit Pinang, YB ADUN Kubang Rotan, YB ADUN Anak Bukit, YB ADUN Guar Chempedak, Wakil YB Ahli Parlimen Alor Setar, Wakil YB Ahli Parlimen Kuala Kedah, Wakil YB Ahli Parlimen Pendang, Wakil YB ADUN Sungai Limau, Wakil YB ADUN Sungai Tiang, Wakil YB ADUN Suka Menanti, Wakil YB ADUN Derga, Wakil YB ADUN Pengkalan Kundor dan Ketua-Ketua Jabatan SADA. Pengurus SADA Wilayah Utara 1, En. Mohammad Shattirq Bin Mazelan telah memberikan taklimat berkenaan isu dan masalah yang dihadapi di kawasan Wilayah Utara 1 dan langkah mitigasi bagi menangani segala isu yang berlaku.



Sesi taklimat yang terakhir ialah pada jam 3.00 petang melibatkan SADA Wilayah Kedah Tengah yang bertempat di Loji Rawatan Air Gurun. Turut hadir sesi taklimat ini ialah YB ADUN Tanjung Dawai, YB ADUN Pantai Merdeka, YB ADUN Bukit Selambau, YB ADUN Gurun, Wakil YB Ahli Parlimen Merbok dan Ketua-Ketua Jabatan SADA yang terlibat. Sesi taklimat yang terakhir telah disampaikan oleh Pengurus SADA Wilayah Kedah Tengah, Ts. Mohd Shukor Bin Shuaib berkenaan pelan jangka masa Panjang, pelan jangka masa sederhana dan pelan jangka masa segera yang berkaitan kawasan Wilayah Kedah Tengah. Semoga dengan inisiatif yang dijalankan ini dapat memberi manfaat dan kefahaman yang jelas kepada semua wakil-wakil rakyat dan seterusnya disampaikan kepada pengguna di kawasan masing-masing.



Solidariti SADA untuk Palestin



Pada 2 November 2023 (Khamis), SADA telah mengadakan Program Solidariti SADA Untuk Palestin yang bertempat di Dewan SADA Aras 3 Bangunan SADA. Program ini ialah sebagai salah satu sokongan dan tanda solidariti kepada perjuangan rakyat Palestin ke atas tanah air mereka.

Program ini telah dimulakan dengan bacaan Yasin, Tahlil dan bacaan doa Qunut Nazilah yang telah diketuai oleh Encik Suhaimi Ahmad dari SADA Wilayah Kedah Tengah dan seterusnya bersambung dengan nyanyian lagu-lagu nasyid.

Pengerusi Kelab Sukan, Kebajikan & Rekreasi SADA, Tuan Zulazni Bin Md Noor turut menghadiri program ini dan merasmikan majlis dengan serahan *mock-up cheque* sumbangan kepada rakyat Palestin hasil dari sumbangan staf SADA dan Kelab Sukan, Kebajikan & Rekreasi SADA.



Statistik Bekalan Air Negeri Kedah

1,458.82 MLD

KAPASITI REKA BENTUK
LOJI RAWATAN AIR (35 LRA)

1,598.45 MLD

PENGELUARAN
AIR HARIAN (35 LRA)



781.53 MLD

PENGGUNAAN
AIR HARIAN

50.29 %

AIR TIDAK BERHASIL
(NRW)



Jom Pakat - Pakat Follow **Media Sosial SADA**



SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD.

Untuk mengetahui maklumat dan info terkini para pengguna boleh layari laman media sosial SADA seperti yang tertera di atas.



*Jangan Lupa Follow
Dan Share Naa...*



Projek pembinaan tangki mendapan LRA Jeneri siap lebih awal dari jangkaan sebenar



Pada tahun 2022 SADA telah mengambil inisiatif dengan membina tangki mendapan tambahan di LRA Jeneri. Inisiatif ini bagi memastikan pengurangan operasi LRA akibat kerja-kerja cucian tangki mendapan dapat diminimakan sekali gus memberi manfaat kepada 7,000 akaun pengguna di Daerah Sik dan Pendang.

Antara kawasan-kawasan yang akan terjejas akibat pengurangan operasi LRA Jeneri sebelum ini adalah Kampung Bendang Raja, Kampung Syed Ahmad, Kampung Tok Set, Kampung Pokok Asam, Kampung Belat, Titi Akar, Sungai Tiang Padang Durian, Kampung Sewa, Padang Pusing, Bukit Tegur, Bendang Pulai dan beberapa kawasan lain di sekitar kawasan-kawasan tersebut.

Projek ini dilaksanakan melalui peruntukan dalaman SADA sebanyak RM 3.1 juta dengan kaedah perolehan secara tender terbuka berkonsepkan reka dan bina. Pembinaan projek ini telah bermula pada 1 Julai 2022 dan dijangka siap pada 30 Jun 2023. Walaubagaimanapun, projek ini berjaya disiapkan sepenuhnya pada 27 Mac 2023 iaitu kira-kira 3 bulan lebih awal daripada tarikh jangka siap.

Pengenapan merupakan peringkat keempat dalam proses rawatan air selepas penyaringan, penggudaraan dan pengentalan. Flok yang terhasil daripada proses pengentalan akan mendap secara graviti di tangki mendapan. Air yang separa bersih itu akan melalui proses seterusnya iaitu penapisan.



Seperti kelaziman, pengurangan operasi LRA Jeneri akan berlaku sebanyak dua kali dalam masa satu bulan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pencucian flok di tangki mendapan. Dengan penambahan sebuah lagi tangki mendapan ini, kerja-kerja cucian dapat dilakukan tanpa mengganggu pengoperasian keseluruhan LRA Jeneri.

Rekod sehingga kini menunjukkan tiada notis gangguan bekalan air dikeluarkan oleh SADA melibatkan kerja-kerja cucian tangki mendapan di LRA Jeneri setelah projek ini selesai dilaksanakan.

Melalui pembinaan projek ini, SADA berharap LRA Jeneri dapat berfungsi dengan lebih baik seterusnya memberikan bekalan air terawat yang konsisten dan berkualiti kepada penduduk di kawasan sekitar.



Projek Penggantian Pamset Di Loji Rawatan Air Sungai Petani


Projek ini dinamakan Projek Penggantian Pamset di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Petani. Projek ini telah bermula pada bulan Oktober tahun 2022 dan telah siap pada bulan Oktober tahun ini.

Tujuan Projek Penggantian Pamset ini adalah untuk menukarkan pamset-pamset di LRA yang lama seperti di LRA Sungai Petani yang memerlukan penggantian pamset yang baru. Pamset- pamset yang sedia ada sekarang telah beroperasi selama lebih daripada 30 tahun. Faktor pamset yang lama telah menyebabkan kecekapan pamset tersebut berkurangan.

Oleh itu, SADA telah membeli dua jenis pamset yang baru iaitu High Lift Pump dan Low Lift Pump untuk digantikan di LRA Sungai Petani. Sebanyak tiga unit High Lift Pump dan tiga unit Low Lift Pump telah digantikan bagi menambahbaik lagi sistem pemprosesan air di loji ini.

Semoga dengan siapnya kerja penggantian pamset ini ia dapat membantu dan meningkatkan kadar aliran air ke tangki imbang dan seterusnya menyelesaikan masalah air di kawasan Sungai Petani.





Rumah Pam Alor Pudak berjaya selesaikan isu bekalan di Tobiar dan Kubur Panjang

Pada 1 Mac 2023, SADA telah membina sebuah rumah pam di Alor Pudak bagi menyelesaikan masalah gangguan bekalan air di Daerah Pendang. Rumah pam ini telah siap dibina dan beroperasi pada 27 Mac 2023 pada tahun ini. Kos pembinaan rumah pam Alor Pudak ini adalah sebanyak RM 310,000.

Tujuan pembinaan rumah pam ini adalah untuk meningkatkan tekanan bagi mengalirkan air ke kawasan yang terganggu. Kapasiti rumah pam yang dibina ini ialah 0.2 juta liter dan mampu mengalirkan bekalan air kepada hampir 1,500 orang pengguna.

Rumah pam yang dibina oleh SADA ini telah berjaya menyelesaikan isu gangguan bekalan air di sepanjang Jalan Tobiar hingga Simpang Tiga Kubur Panjang. Sebanyak 1,500 pengguna di kawasan yang berdekatan telah menerima bekalan air selepas rumah pam Alor Pudak beroperasi.

Semoga dengan inisiatif yang dilakukan oleh pihak SADA ini dapat memberi manfaat kepada pengguna di Negeri Kedah.



SADA atasi masalah air selepas Rumah Pam Toh Pawang beroperasi




Pada 20 April 2023, SADA telah menyiapkan sebuah rumah pam Toh Pawang bagi menyelesaikan isu gangguan air di sekitar kawasan Keda Toh Pawang Bedong, Taman Universiti Semeling, Harvard, Taman Suasana Indah Gurun dan Kampung Sungai Puntar.

Pembinaan rumah pam ini mengambil hampir sebulan untuk disiapkan dan sebanyak 800 akaun pengguna menerima manfaat setelah rumah pam ini beroperasi.

SADA memahami kesulitan yang dihadapi oleh pengguna dan SADA sentiasa berusaha bagi memastikan isu gangguan bekalan air dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Alhamdulillah, SADA telah menerima banyak maklum balas yang positif dari penduduk setempat selepas rumah pam ini siap.





**Barisan Pe
Syarikat Air Daru**



engurusan
I Aman Sdn. Bhd.



Syarikat Air Darul Aman Juara Sukan Bekalan Air Se-Malaysia 2023

Pada tahun ini SADA selaku tuan rumah bagi Sukan Bekalan Air Se-Malaysia (SBAM) 2023 telah menjadi juara keseluruhan bagi temasya sukan yang berlangsung pada 24 hingga 27 Ogos 2023 di Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Temasya sukan ini diadakan setiap dua tahun dan tahun ini SADA telah terpilih untuk menjadi tuan rumah. Sebanyak 15 pasukan telah menyertai SBAM 2023 untuk bertanding bagi merebut pingat di dalam sukan yang dipertandingkan antaranya ialah Badminton, Karom, Bola Sepak, Bola Jaring, Ping Pong, Sepak Takraw, Bola Tampar, Sepak Raga Tuju, Boling, Tarik Tali, dan Dart.

Majlis Perasmian SBAM 2023 pada malam 24 Ogos 2023 telah menjadi buatan dan kenangan yang tehebat bagi setiap pasukan yang hadir pada kali ini kerana majlis perasmian ini berlangsung dengan penuh gemilang dan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor untuk merasmikan masjlis perasmian tersebut.

Pada temasya kali ini SADA telah menjadi juara dengan merangkul 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa. Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Tuan Radzuan Bin Osman mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kontingen dan urusetia SADA kerana berjaya melangsungkan temasya sukan yang penuh gemilang sekaligus menjadi juara bagi edisi kali ini.





Malam Apresiasi Kontinjen Kedah & Urusetia SBAM 2023

Pada 24 September 2023, SADA telah mengadakan satu majlis Malam Apresiasi Kontinjen Kedah & Urusetia SBAM 2023 di Dewan SADA Aras 3, Menara SADA.

Majlis ini telah diadakan sebagai satu penghargaan kepada semua staf yang terlibat yang menjayakan SBAM 2023 di Universiti Utara Malaysia pada 24 hingga 27 Ogos 2023.

Selain itu, majlis ini juga sebagai salah satu ingatan dan penghargaan SADA kepada kontinjen SADA yang terlibat sehingga menjadi juara SBAM 2023.



SADA berjaya atasi gangguan bekalan air akibat kegagalan fungsi pintu 14 barrage milik JPS



Pada tanggal 14 Mei 2023 telah berlakunya gangguan bekalan air melibatkan kawasan di Daerah Kuala Muda, Kulim dan sebahagian kawasan di Daerah Baling disebabkan oleh penurunan paras Sungai Muda secara mendadak.

Penurunan paras Sungai Muda secara mendadak ini adalah berpunca daripada kegagalan fungsi pintu 14 barrage milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Akibat daripada kegagalan fungsi pintu 14 barrage ini, ia telah menyebabkan pengoperasian LRA Sungai Petani/Pinang Tunggal dan LRA Kulim Hi-Tech terpaksa dihenti tugas serta merta selepas pemantauan paras muka sauk menunjukkan sumber air mentah berada di bawah paras yang kritikal.

Situasi ini telah menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual melibatkan anggaran 252 ribu akaun. Antara kawasan yang terjejas adalah Sungai Petani, Bedong, Pantai Merdeka, Kulim, Lunas, Kuala Ketil dan beberapa kawasan utama yang lain.

SADA memahami kesukaran yang dihadapi oleh pengguna akibat gangguan bekalan air tidak berjadual yang berlaku dan SADA telah menjalankan langkah proaktif bagi mengatasinya dengan kadar yang segera.

SADA juga sentiasa mengemaskini segala informasi dan maklumat berkenaan gangguan bekalan air tidak berjadual ini kepada pengguna yang terkesan dari semasa ke semasa menerusi platform digital rasmi Facebook dan TikTok SADA.

Tindakan Kontingensi SADA dalam menyelesaikan masalah gangguan bekalan air yang berpunca daripada penurunan paras Sungai Muda secara mendadak

Bagi meminimakan tempoh gangguan bekalan air yang berlaku akibat insiden luar jangka yang terjadi, SADA telah mengambil tindakan penyelesaian pantas dengan menambah aset mekanikal & elektrikal di tiga LRA terkesan sementara menunggu paras Sungai Muda kembali stabil. Antara tindakan tersebut adalah:

1. Pemasangan sebuah *submersible pump* di muka sauk LRA Kulim Hi-Tech yang berkapasiti 2000m³/hr. Pemasangan ini akan membolehkan LRA beroperasi pada kadar 20% atau bersamaan 48 MLD pengeluaran air terawat.
2. Pemasangan empat buah *submersible pump* di muka sauk LRA Pinang Tunggal yang berkapasiti 1200m³/hr. Pemasangan ini akan membolehkan LRA beroperasi pada kadar 70% atau bersamaan 29 MLD pengeluaran air terawat.
3. Pemasangan dua buah *submersible pump* di muka sauk LRA Sungai Petani yang berkapasiti 2000m³/hr. Pemasangan ini akan membolehkan LRA beroperasi pada kadar 30% atau bersamaan 50 MLD pengeluaran air terawat.

SADA telah berusaha sebaik mungkin bagi memastikan gangguan ini akan selesai secepat mungkin dan bekalan air terawat telah pulih secara berperingkat.



Kesiapsiagaan SADA Menghadapi Langkawi International Maritime & Aerospace 2023 (LIMA'23)



Pada tahun 2023 telah berlangsungnya LIMA'23 di Langkawi bermula 23 Mei 2023 hingga 27 Mei 2023. Sepanjang berlangsungnya LIMA'23, dianggarkan sebanyak 25 peratus atau kira-kira 13MLD pertambahan permintaan air terawat di Daerah Langkawi sepanjang temasya itu berlangsung.

Justeru itu, SADA telah bersedia dengan pelan kontingensi selama lapan (8) hari bermula pada hari ini 21 Mei 2023 hingga 28 Mei 2023 sebagai langkah bagi meminimakan risiko berlakunya gangguan bekalan air di daerah tersebut. Bagi meminimakan risiko tersebut persediaan awal dalam menghadapinya melalui tindakan jangka masa segera dan tindakan jangka masa pendek yang telah digariskan.

Antara kawasan yang diberi perhatian oleh SADA adalah kawasan Pekan Kuah, Pantai Cenang, Pantai Tengah, Datai, Pemandangan Indah, Kampung Kilim, Kampung Huma dan beberapa lagi kawasan lain. Bagi tempoh sebelum pelaksanaan pelan kontingensi ini, SADA telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berterusan secara bersepadu melibatkan aset dan infrastruktur air seperti pemantauan paras kolam, melakukan servis injap kawalan tekanan dan memastikan rumah-rumah pam berada dalam keadaan baik.

Dari aspek logistik dan aset, sebanyak 16 buah lori tangki disediakan bagi mempercepatkan masa tindakan bantuan bekalan air ke kawasan yang terjejas. Selain itu, 91 buah tangki statik telah ditempatkan di kawasan-kawasan tinggi dan di penghujung sistem agihan serta beberapa lokasi yang telah dikenal pasti sering berlaku masalah tekanan air rendah.

Melalui tindakan jangka masa pendek, beberapa inisiatif penting telah dilaksanakan oleh SADA antaranya pemasangan inline booster pump Empangan Malut, pemasangan kabel dan menaiktaraf bekalan elektrik di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Kemoja, menaiktaraf saiz District Meter Zone (DMZ-L06A) daripada saiz 150MM diameter kepada saiz 250MM diameter di Tanjung Gerak, pemasangan suction tank di Rumah Pam Lanai Teluk Baru (3000 Liter), pembaikan paip dasar laut, pemasangan Butterfly Valve pada paip pintasan bersaiz 500MM diameter dari Rumah Pam Penarak ke Tangki Kuah dan Dundung, pemasangan paip pintasan bersaiz 300MM air mentah LA Padang Saga 3, pemasangan pressure relief valve (PRV) dan timer Tangki Dundung serta aktiviti mengesan kebocoran melalui kaedah Active Leakage Control (ALC).

Tujuan utama kerja-kerja in dilakukan adalah bagi memastikan LRA beroperasi pada tahap optimum, menstabilkan serta meningkatkan paras kapasiti tangki, meningkatkan kapasiti air mentah untuk diproses dan melancarkan sistem agihan bekalan air. SADA turut menangguh sebarang kerja-kerja penelenggaraan yang boleh mengganggu pengoperasian LRA.

Sepanjang temasya LIMA'23, sekiranya berlaku gangguan bekalan air, SADA membuka Pusat Informasi SADA (SIC) untuk sebarang aduan dan beroperasi bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 malam setiap hari. Bagi mengurangkan kesesakan panggilan di talian hotline, SADA juga telah mengaktifkan Bilik Gerakan Wilayah Langkawi bermula pada hari ini 21 Mei 2023 hingga 28 Mei 2023 yang beroperasi pada jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.



SADA laksana Pelan Kontingensi

Hari Raya Aidilfitri 2023

Pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, SADA telah melaksanakan pelan kontingensi selama lima (5) hari bermula pada 20 April 2023 hingga 24 April 2023 sebagai persediaan awal berdepan kemungkinan gangguan bekalan air di seluruh daerah di negeri Kedah sempena cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri. SADA menjangkakan akan berlaku peningkatan permintaan air melebihi 30 peratus oleh pengguna di Negeri Kedah disebabkan oleh dua (2) faktor utama. Antaranya, kembalinya anak-anak perantau ke kampung halaman dan faktor cuaca kemarau yang dijangka berlarutan di beberapa kawasan sehingga penghujung bulan April ini menurut MET Malaysia.

Dari sudut operas, SADA telah meningkatkan pemantauan bersepadu di kesemua 35 LRA, rumah pam serta kolam imbangan dalam usaha bagi memaksimakan peratusan pengeluaran air dan memastikan set dan infrastruktur air beroperasi seperti biasa tanpa sebarang gangguan. Selain itu, kakitangan SADA terutama yang bekerja di bidang teknikal akan bertugas dan diminta bersiap-siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Sebarang kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual termasuk pemberian paip dan penukaran meter turut ditangguh buat sementara waktu. Untuk sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi Pusat Informasi SADA (SIC) yang beroperasi bermula jam 8 pagi hingga 12 malam setiap hari. Bagi mengurangkan kesesakan panggilan di talian hotline, SADA juga akan mengaktifkan Bilik Gerakan di peringkat Ibu Pejabat yang berfungsi sebagai platform tambahan bagi pengguna menyalurkan aduan. Pengoperasian Bilik Gerakan akan bermula pada 21 April 2023 hingga 23 April 2023 pada jam 8.00 pagi hingga 8:00 malam.



Lain daripada itu, Pusat Khidmat Setempat (PKS) akan diwujudkan di lima (5) lokasi yang telah dikenalpasti oleh SADA sebagai kawasan yang berisiko tinggi mengalami masalah gangguan bekalan air. PKS tersebut akan dilaksanakan melalui jalinan kerjasama dan keterlibatan secara langsung daripada kakitangan SADA, pemimpin setempat dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKPK). Pengoperasian PKS pula akan bermula pada pada 21 April 2023 hingga 23 April 2023 pada jam 8.00 pagi hingga 5:00 petang.

Orang ramai yang tinggal di kawasan sekitar dan menghadapi masalah gangguan bekalan air boleh menyalurkan aduan atau permasalahan secara terus di kaunter PKS tanpa perlu menghubungi talian hotline atau talian Bilik Gerakan. Sebuah lori tangki dan tangki statik akan ditempatkan di setiap lokasi PKS bagi menyelesaikan aduan penduduk setempat dengan kadar yang segera.



Loji Rawatan Air Padang Saga Fasa 2, Langkawi





**Loji Rawatan Air
Padang Saga Fasa 2, Langkawi**
Kapasiti Loji : 5,460 MLD

Kempen Sayangi Alam Sekitar Dan Air 2023

Pada 23 November 2023 (Jumaat), Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Kuala Nerang dan kerjasama Pertubuhan NGO Siti Khadijah telah menganjurkan Kempen Sayangi Alam Sekitar Dan Air 2023 bertempat di Dewan Istiqlal, Masjid Pulau Kijang. SADA telah dijemput bersama untuk menyampaikan taklimat kepada penduduk setempat berkaitan alam sekitar dan air bersama-sama agensi yang lain iaitu Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS).

Program ini telah dirasmikan oleh Exco Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar, Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Yusof @ Munir Bin Haji Zakaria.

Untuk Kempen Sayangi Alam Sekitar Dan Air 2023, taklimat telah disampaikan oleh Pengurus Jabatan Pengeluaran, Ir. Saiful Azlan Bin Mat Radhi.



Program Penjimatan Air SADA

Tahun 2023 - Siri 1



Pada 3 Januari 2023 (Selasa), SADA telah diundang untuk menyampaikan ceramah berkenaan penjimatan air anjuran EXCO Keusahawanan dan Kepimpinan Jawatankuasa Pembangunan Siswa (JKPS) Inasis Sime Darby. Program yang berlangsung di Dewan Seroja, Universiti Utara Malaysia ini bertepatan dengan Kempen Penjimatan Air SADA 2023 yang bertemakan "Setiap Titisan Bernilai".

Dalam ceramah yang disampaikan oleh Pengurus Jabatan Pengeluaran, Ir. Saiful Azlan Bin Mat Radhi, para pelajar diberi pendedahan tentang cara berjimat cermat dalam menggunakan air terawat serta impak negatif yang bakal diterima sekiranya mengamalkan pembaziran air. Selain ceramah, beberapa aktiviti lain turut dijalankan sepanjang program berlangsung antaranya Kuiz Kesedaran Jimat Air, demonstrasi Ujian Kualiti Air (klorin dan kekeruhan) oleh Jabatan Pengeluaran dan demonstrasi Pengebilan oleh Jabatan Pengguna.

Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir sekali gus menambah pengetahuan dan galakan perkongsian ilmu di kalangan para pelajar.

Tips Jimat Air

Syarikat Air Darul Aman

01

Jangan biarkan pili mengalir semasa mencuci pinggan mangkuk



03

Elakkan daripada membasuh baju dengan mesin basuh yang tak diisi penuh



05

Elakkan menggunakan hos ketika menyiram pokok bunga



Tutup pili ketika memberus gigi

02



Tutup pancuran semasa bersabun ketika mandi

04




Jadilah Pengguna Yang Bijak

Penekanan terhadap penggunaan air secara berhemat adalah amat perlu demi memastikan bekalan air bersih yang merupakan keperluan asas manusia dapat dilestarikan. Sebagaimana bekalan air bersih mempunyai perkaitan langsung dengan sumber utamanya iaitu sungai, maka menggunakan air secara berhemat akan secara langsung membantu memulihkan ekosistem sedia ada.

LATAR BELAKANG SYARIKAT

GARIS MASA TRANSFORMASI



DASAR KUALITI

SADA komited untuk mencapai visi dan misi syarikat melalui pendekatan, pengurusan kualiti secara menyeluruh, penambahbaikan secara berterusan, profesionalisme kerja yang tinggi serta mematuhi undang-undang dan dasar syarikat dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan pada setiap masa.

VISI

Menjadi syarikat perkhidmatan air bersih bertaraf regional.

MISI

- Membekalkan air yang bersih, selamat serta mencukupi melalui perancangan dan pembangunan infrastruktur air yang lengkap.
- Sistem agihan bekalan air yang berkesan, pemantauan kualiti air serta penggunaan teknologi terkini.
- Perkhidmatan pengguna yang cekap dan terlatih kepada semua pengguna Domestik dan Bukan Domestik.
- Pengurangan masalah Non-Revenue Water (NRW) di Negeri Kedah.

Loji Rawatan Air Bukit Kemoja, Langkawi



**Loji Rawatan Air
Bukit Kemoja, Langkawi**

Kapasiti Loji : 8,640 MLD



Kursus Induksi Siri 1 - 3 Tahun 2023

Kursus Induksi Siri 1 (3.1.2023 - 5.1.2023)



Kursus Induksi Siri 2 (2.4.2023 - 4.4.2023)



Kursus Induksi Siri 3 (14.8.2023 - 16.8.2023)



Persaraan Kakitangan SADA Sehingga Bulan November 2023

Pihak pengurusan SADA mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan SADA yang bersara pada tahun 2023 dan segala jasa serta sumbangan yang diberikan sepanjang perkhidmatan di SADA akan terus dikenang.

1



RAMLEE BIN MD ZIN
PEMANDU KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 3.1.2023

2



MD JAMIL BIN MD NOOR
KERANI KANAN (NE4)
BERKHIDMAT : 1.2.2021 - 1.2.2023

3



ZUHIRIZAN BIN SAAD
KREW KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 1.8.2020 - 1.2.2023

4



MOHD RADZI BIN OTHMAN
KERANI KANAN (NE6)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 4.2.2023

5



MURUGAYA A/L CHELLIAH
PEMANDU KANAN (NE1)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 6.2.2023

6



AHMAD TARMIZI BIN ZAINUDDIN
EKSEKUTIF (EX1)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 11.2.2023

7



NADZELAN BIN NYAK OTHMAN
KERANI KANAN (NE6)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 13.2.2023

8



ABDUL HALIM BIN MD AKIB
KERANI KANAN (NE6)
BERKHIDMAT : 1.1.2021 - 4.3.2023

9



RAMADASS A/L APPARAVOO
KREW KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 1.8.2020 - 5.3.2023

10



ABD RASHID BIN SAAD
KREW KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 19.3.2023

11



AHMAD BIN IDRIS
EKSEKUTIF (EX1)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 19.3.2023

12



ARIF B. MAT ZUKI
KERANI (NE4)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 10.4.2023

13



SITI MERIAM BTE OSMAN
EKSEKUTIF (EX1)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 6.5.2023

14



ABDUL RAZAK BIN KHAMIS
KREW (NE1)
BERKHIDMAT : 3.1.2011 - 7.5.2023

15



MUSTAFA BIN HAJI MOHD NOH
EKSEKUTIF (EX1)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 17.5.2023

16



AZMI BIN HAMZAH
KREW KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 3.1.2011 - 30.5.2023

17



NORIZAN BIN AHMAD
PEMANDU KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 30.6.2023

18



SABRI BIN ABD HALIM
KERANI KANAN (NE4)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 2.7.2023

19



AZHARI BIN MAT RASOL
EKSEKUTIF (EX2)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 19.7.2023

20



NOR HILAL BIN ABU BAKAR
PEMBACA METER (NE4)
BERKHIDMAT : 2.1.2012 - 20.7.2023

21



MOH FAUZI BIN MAT SALLEH
KREW KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 25.7.2023

23



MOHAMAD SHOFIE BIN ABDULLAH
KREW KANAN (NE3)
BERKHIDMAT : 1.1.2021 - 25.8.2023




22



24

MOHD RIDZUAN BIN MOHD ZIN
KERANI (NE4)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 6.9.2023



25



MOHD KHIR BIN JOHARI
EKSEKUTIF (EX2)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 1.10.2023

KAMALIAH BTE MD KHEIR
EKSEKUTIF (EX1)
BERKHIDMAT : 1.1.2010 - 5.11.2023



26

Maklumat Cawangan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.

SADA Wilayah Utara 1 (Kota Setar)

No. 892, Jalan Sultan Badlishah
05000, Alor Setar
Kedah Darul Aman

SADA Wilayah Tengah (Kuala Muda)

Jalan Kolam Air
08000, Sungai Petani
Kedah Darul Aman

SADA Wilayah Selatan (Kulim)

87-89, Lorong Kota Kenari 2/1
Kota Kenari, 09000 Kulim
Kedah Darul Aman

SADA Wilayah Utara 2 (Kubang Pasu)

PT 1412, Jalan Changloon
Batu 13, 06000 Jitra
Kedah Darul Aman

SADA Wilayah Timur (Baling)

No. 1, Jalan Kota Bayu Jaya 2
Kota Bayu Jaya, 09100 Baling
Kedah Darul Aman

SADA Wilayah Langkawi

Lot 16, 17 & 18, Taman Seri Negeri
Jalan Penarak, 07000 Kuah,
Langkawi, Kedah Darul Aman

DITERBITKAN OLEH



SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD.
NO. 892, JALAN SULTAN BADLISHAH,
05000, ALOR SETAR, KEDAH